



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

LARIAN JUBLI PERAK PTPTN TARIK 2,500 PENYERTAAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) julung kalinya menganjurkan program Larian Jubli Perak PTPTN berkonsepkan *fun run* hari ini bagi menggalakkan amalan gaya hidup yang lebih sihat. Acara larian berorientasi riadah bersama keluarga ini berlangsung di Anjung Floria, Putrajaya.
2. Program Larian Jubli Perak PTPTN melibatkan jarak larian sejauh 5 kilometer dengan tema '**Cergas, Cerdas dan Ceria**. Tema ini dipilih sebagai menyokong konsep kesihatan secara menyeluruh merangkumi kesempurnaan dari aspek fizikal, mental dan sosial. Program yang mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Perbadanan Putrajaya dan Federal Territory Kuala Lumpur Athletic Association (FTKLAA) merupakan simbolik bagi penutup Sambutan Jubli Perak 25 Tahun. Penganjurannya juga merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) PTPTN kepada masyarakat dalam membudayakan amalan hidup sihat melalui sukan untuk semua. Ia juga diadakan sebagai menghargai para pelanggan yang tidak pernah jemu memberi sokongan kepada PTPTN.
3. Dengan yuran penyertaan serendah RM25.00 seorang, program ini telah berjaya menarik 2,500 peserta yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa dan warga emas dalam tempoh tiga (3) minggu pendaftaran dibuka. Program dimulakan dengan aktiviti senaman zumba sebelum pelepasan atau *flag off* peserta larian yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (KPT). Hadir sama, YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar, Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Pengurusan

Tertinggi KPT, Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, Pengurusan PTPTN, pihak Institusi Pendidikan Tinggi, pelajar-pelajar IPT, rakan-rakan strategik dan media.

4. Selain itu, PTPTN turut menganjurkan pelbagai aktiviti semasa program Larian Jubli Perak PTPTN ini berlangsung. Antaranya, acara cabutan hadiah dengan sepuluh (10) hadiah menarik seperti *smart TV*, basikal, vakum robot dan *running watch* serta aktiviti lain termasuk pembukaan *booth* daripada PTPTN, *food truck*, pemeriksaan kesihatan serta aktiviti permainan karnival.

5. PTPTN yang merupakan agensi di bawah KPT dan peneraju tabung pendidikan utama negara percaya bahawa modal insan yang berkualiti berkait rapat dengan gaya hidup yang positif. Oleh itu, sokongan kuat dan berterusan dari masyarakat terhadap program seumpama ini dapat menyumbang kepada pembentukan komuniti yang cergas, cerdas dan ceria sekali gus dapat menyemai gaya hidup sihat dan meningkatkan produktiviti negara.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
19 Februari 2023